

10/05/2003

PM rasmi Perhimpunan Agung MIC

KUALA LUMPUR: Perhimpunan Agung MIC hari ini dan esok disifatkan paling bermakna kerana yang terakhir dirasmikan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum Perdana Menteri bersara Oktober ini.

Naib Presiden MIC Datuk S Veerasingam, berkata majlis perasmian mesyuarat ke-57 itu turut dihadiri Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Pada majlis itu, katanya, Presiden MIC, Datuk Seri S Sami Vellu serta 1,500 perwakilan termasuk Pengerusi MIC dari seluruh negara, akan mengambil kesempatan untuk mengucapkan penghargaan atas jasa Perdana Menteri mentadbir negara sehingga dikenali di merata dunia.

Veerasingam, yang juga Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara

dan Pembangunan Masyarakat, berkata demikian selepas majlis penyerahan bantuan kepada mangsa kebakaran di pejabatnya di sini, semalam.

Beliau berkata, MIC juga akan tetap memberi kerjasama penuh kepada Abdullah yang dinamakan Dr Mahathir sebagai penggantinya.

"Timbalan Perdana Menteri sudah lama berkecimpung dalam politik dan berupaya mentadbir negara," katanya.

Terdahulu, sembilan keluarga yang kehilangan tempat tinggal dalam kebakaran di penempatan setinggan, Jalan Cempedak, Sentul pada 18 April lalu, menerima bantuan antara RM840 hingga RM1,500.

"Bantuan ini termasuk pakaian, perabot dan bayaran persekolahan anak-anak. Namun, mangsa tidak boleh mendapat bantuan rumah kerana penempatan mereka adalah rumah setinggan," katanya.